



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


02 JUN 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **254 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **62,816 kes**. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini iaitu satu (1) kes di daerah Kota Kinabalu dan satu (1) kes lagi di Kinabatangan. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 213 menjadikan jumlah kumulatif 60,165 orang. Seramai 1,604 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 451 orang di hospital, 1,151 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dua (2) orang. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 75 orang dan 24 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kudat berubah dari zon jingga ke zon merah manakala Telupid bertukar dari zon hijau ke zon kuning

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 16 daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Kuning tujuh (7) daerah
- Zon Hijau tiga (3) daerah

Analisa Kes COVID-19 Di Sabah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan penurunan sebanyak 64 kes iaitu daripada 318 kes kelmarin (1 Jun 2021) kepada 254 kes (2 Jun 2021).
- ii Daripada 254 kes jangkitan baharu hari ini, 184 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 20 kes adalah daripada saringan kluster, 36 kes adalah daripada saringan bergejala, enam (6) kes daripada saringan bersasar dan lapan (8) kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii 12 daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Sembilan (9) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka manakala tiga (3) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Tawau (-44), Lahad Datu (-21) dan Tuaran (-18).
- iv Walau bagaimanapun, terdapat 11 daerah yang mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan lapan (8) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala tiga (3) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Sandakan 29 kes (+24), Kota Kinabalu 31 kes (+14) dan Kunak 40 kes (+11). Daerah Beaufort kekal catatan kes baharu sebagaimana hari kelmarin iaitu dengan enam (6) kes.
- v Pada hari ini, tujuh (7) daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Tongod, Pitas, Ranau, Kuala Penyu, Sipitang dan Nabawan.
- vi Perubahan angka setiap hari bagi setiap daerah adalah tidak statik. Sungguhpun tujuh (7) daerah mencatat sifar kes pada hari ini, bilangan daerah yang berzon hijau berkurangan kepada tiga (3), menandakan terdapat kebarangkalian berlakunya ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan.
- vii Keberkesanan penurunan kes dalam membendung penularan pandemik COVID-19 ini sangat bergantung kepada sejauh mana kesungguhan komuniti dalam pematuhan SOP sendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,946 unit

- Hospital 621 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,905 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 40.65%

B PENGUATKUASAAN DIPERTINGKATKAN DI DAERAH TAWAU DAN KALABAKAN

1 Berdasarkan kepada trend kes COVID-19 di daerah Tawau yang masih berada di tahap membimbangkan maka penguatkuasaan pergerakan keluar/masuk akan diketatkan di daerah Tawau dan Kalabakan. Operasi Sekatan Jalanraya (SJR) akan dipertingkatkan.

2 Anggota penguatkuasa tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Sabah.

C KEBENARAN RENTAS DAERAH BAGI ESSENTIAL SERVICES & ESSENTIAL GOODS

Adalah dimaklumkan bahawa tiada keperluan Surat Kelulusan MITI untuk rentas daerah bagi pekerja *essential services & essential goods*.

D AKTIVITI NELAYAN DAN GERAI

1 Nelayan yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan di persisiran pantai dinasihatkan untuk mendapatkan **Surat Pengesahan** dari Jabatan Perikanan Sabah.

2 Gerai-gerai menjual sayur, ikan dan buah-buahan di tepi jalanraya **adalah dibenarkan** bagi membolehkan petani dan nelayan menjual hasil tangkapan dan tanaman mereka.

E MASA OPERASI PELABUHAN

- 1 Operasi pelabuhan 24 jam di dalam kawasan pelabuhan adalah dibenarkan untuk 8 buah pelabuhan di bawah Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah dalam tempoh PKP ini.
- 2 Sementara itu, operasi jeti di dalam kawasan jeti persendirian utama yang memerlukan pengoperasian berterusan atas keperluan produk/kargo import dan eksport juga dibenarkan beroperasi 24 jam.
- 3 Bagi operasi sektor Logistik Pengangkutan Darat dan Penstoran adalah dihadkan dari jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam.

F KEBENARAN KEPADA KILANG-KILANG BEROPERASI 24 JAM SEMASA PKP3.0

- 1 Kerajaan Negeri bersetuju memberi kebenaran kepada 58 buah kilang untuk beroperasi 24 jam semasa Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP3.0) yang terdiri daripada kilang penapisan minyak sawit (*refinery*), kilang kelapa sawit (*crude palm oil mill*), kilang biodiesel, kilang baja kimia, kilang pemprosesan "*Spent Bleaching Earth*", kilang besi dan keluli (*steel billets* dan *steel bar*) dan kilang simen atas sebab mekanikal di mana pemberhentian mesin dan menghidupkan semula mesin seperti relau (*furnace*) dan "*boiler*" akan mengambil masa yang panjang dan akan merosakkan mesin-mesin sekiranya diberhentikan dan dihidupkan semula terlalu kerap.
- 2 Kehadiran pekerja yang dibenarkan adalah tidak melebihi 60% dari jumlah kakitangan sedia ada.

G SOP PENGURUSAN PENGKEBUMIAN BUKAN ISLAM DI TAPAK PERKUBURAN / KREMATORIUM

SOP pengurusan pengkebumian bukan islam di tapak perkuburan / krematorium di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

H SOP LATIHAN SUKAN *CAMP BASE QUARANTINE*

SOP latihan sukan *camp base quarantine* adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

**I SOP SEKTOR PERBANKAN (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) SABAH)
1 JUN HINGGA 14 JUN 2021**

SOP sektor perbankan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Sabah 1 Jun hingga 14 Jun 2021 adalah seperti di **LAMPIRAN C.**

J SOP PKP BAGI SELURUH NEGERI SABAH

SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bagi Seluruh Negeri Sabah adalah seperti di **LAMPIRAN D.**

K SOP BAGI LAPAN PKPD DI SABAH

- i SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di **Kg Simpangan, Tuaran** adalah seperti di **LAMPIRAN E.**
- ii SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di **tiga (3) Lokaliti Di Daerah Kota Belud** adalah seperti di **LAMPIRAN F.**
- iii SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di **Kg Tanjung Kapor, Kudat** adalah seperti di **LAMPIRAN G.**
- iv SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di **Taman Pelangi, Semporna** adalah seperti di **LAMPIRAN H.**
- v SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di **dua (2) Perkampungan Daerah Kota Belud** adalah seperti di **LAMPIRAN I.**
- vi SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di **Kg Assam, Lahad Datu** adalah seperti di **LAMPIRAN J.**
- vii SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di **Kg Kuala Menggatal, Kota Kinabalu** adalah seperti di **LAMPIRAN K.**
- viii SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di **Jalan Klias 2 Dan Klias 3, Kg Klias Baru, Beaufort** adalah seperti di **LAMPIRAN L.**

L PKPD LORONG TAMAN UTAMA 5, 6, 7 & 8, TAMAN UTAMA, SANDAKAN

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 melibatkan Lorong Taman Utama 5, 6, 7 & 8, Taman Utama, Sandakan.
- 2 Berlaku peningkatan yang ketara dalam tempoh singkat apabila sembilan (9) kes positif telah direkodkan hasil daripada 13 saringan dengan kadar positifiti 69.2%.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Lorong Taman Utama 5, 6, 7 & 8, Taman Utama, Sandakan, Sabah berkuat kuasa 04 Jun sehingga 17 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

M PKPD KAMPUNG SEPAGAYA HULU, SILAM, LAHAD DATU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 melibatkan Kampung Sepagaya Hulu, Silam, Lahad Datu.
- 2 Sebanyak 19 kes direkodkan hasil daripada 35 ujian saringan dilakukan dengan kadar positifiti 54.3%.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sepagaya Hulu, Silam, Lahad Datu berkuat kuasa 04 Jun sehingga 17 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

N PKPD 2 LOKALITI DALAM DAERAH KOTA KINABALU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan peningkatan kes COVID-19 melibatkan dua (2) lokaliti dalam daerah Kota Kinabalu iaitu:
 - Rumah Murah Kepayan
 - Kampung Tanjung Aru Baru
- 2 Sebanyak 24 kes positif telah direkodkan masing-masing 16 di Rumah Murah Kepayan manakala lapan (8) kes lagi di Kampung Tanjung Aru Baru.
- 3 Selain itu, KKM mendapati kedua-dua lokaliti tersebut mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan boleh mendatangkan risiko penularan kes COVID-19.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti seperti yang dinyatakan berkuat kuasa 04 Jun sehingga 17 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko ke luar lokaliti tersebut.

O PERLUASAN LOKALITI PKPD DI MUKIM PEKAN, KUNAK

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 melibatkan 15 lokaliti baru dalam Mukim Pekan, Kunak iaitu:
 - Bajau Laut – Palauh
 - Kampung Cina
 - Kampung Selamat
 - Kampung Kunak Jaya
 - Kampung Singgah Mata
 - Kampung Kunak Kecil
 - Kampung Bagiang

- Kampung Jaya Baru
- Kampung Datuk Haji Zainal Gunong
- Kampung JKR Lama
- Kampung Haji Mohd Noor
- Kampung Pangkalan Lama
- Kampung Pangkalan Laut
- Kampung Sungai Atas
- Pekan Kunak

- 2 KKM mendapati berlaku peningkatan kes yang amat ketara dalam masa yang singkat dan sebanyak 173 kes aktif telah dikesan di lokaliti tersebut dengan kadar positifiti 64%.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di lokaliti seperti yang dinyatakan di Mukim Pekan (kecuali Kampung Kadazan, Kampung Simpang 4, Taman Sri Idaman, PPR Sri Pangkalan dan Bangunan Kedai Simpang 4) dalam daerah Kunak.
- 4 Ini bermakna, pelaksanaan PKPD yang sedang dikuatkuasakan di Kampung Kunak Tiga, Kampung Kabog, Kampung Kabog Baru, Kampung Kunak Darat, Kampung Getah, Kampung Getah Tengah dan Taman Kunak Kaya akan terbatal dan mengikut tarikh baharu iaitu bermula pada 04 Jun sehingga 17 Jun 2021.

P STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **90** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **57,735** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **1,635** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,035** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **1,635** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **76,675** orang.

- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **480** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **27,778** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah **6,245** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak **565,621** (mysejahtera 501,318 : laman web 64,094 : talian vaksinasi 209) bersamaan 19.3%.

Q BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **326,708** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

R LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 100 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 43,588 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 267 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 63 hebahan melalui kereta peronda dengan satu (1) tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 60 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- 31 orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
 - 13 orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
 - 11 orang : Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran.
 - Satu (1) orang : Premis beroperasi lebih masa tanpa kebenaran.
 - Dua (2) orang : Keluar rumah tanpa alasan munasabah.
 - Satu (1) orang : Aktiviti terlarang.
 - Satu (1) orang : Ingkar perintah kuarantin.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 60 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 31 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 285 lokasi melibatkan seramai 168 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 52 anggota di 50 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu di daerah Sandakan dan Keningau.
- 7 Sejumlah 312 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 11 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 163 hebahan di seluruh Sabah

S KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	98%
2	Beluran	98%
3	Kinabatangan	98%
4	Kunak	98%
5	Kudat	98%
6	Sipitang	98%
7	Beaufort	98%
8	Kota Belud	98%
9	Lahad Datu	98%
10	Semporna	97.5%
11	Kota Marudu	97.5%
12	Kota Kinabalu	97.5%
13	Tuaran	97.5%
14	Sandakan	97.5%
15	Keningau	97.5%
16	Ranau	97.5%
17	Tawau	97.5%
18	Papar	97%
19	Penampang	97%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**


KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT
**SOP PENGURUSAN PENGKEBUMIAN DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
(PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 01/06/2021 - 14/06/2021**

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Semasa ketibaan di Rumah Ibadat bukan Islam.	Tempoh operasi 6 pagi hingga 6 petang . Tempoh upacara tidak melebihi 2 jam setiap sesi. 12 orang termasuk ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan serta mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.	Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran. Menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i> dan rekod kehadiran. Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan <i>hand sanitizer</i> atau sabun dan air. Kerap melakukan pembersihan dan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh, ruang ibadat dan peralatan sembahyang. Menyusun dan membuat penandaan jarak kedudukan ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan di dalam dewan dan ruang ibadat sekurang-kurangnya 1 meter. Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan DIWAJIBKAN membawa peralatan sembahyang sendiri. Ahli keluarga terdiri daripada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.	Persiapan semasa operasi di Rumah Ibadat bukan Islam Pemilihan Ahli Jawatankuasa Pengurusan untuk hadir sembahyang dan ahli keluarga hadir di Rumah Ibadat bukan Islam tidak melebihi 12 orang . Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang menghidap penyakit kronik tidak dibenarkan hadir. Ahli Jawatankuasa Pengurusan wajib pamer notis tentang perlunya membawa peralatan sembahyang sendiri.	Kehadiran penganut di dalam dan di luar Rumah Ibadat bukan Islam. Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas. Perkongsian peralatan sembahyang oleh ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan.

Tarikh dikemaskini: 01 JUN 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP PENGURUSAN PENGKEBUMIAN BUKAN ISLAM DI RUMAH KEDIAMAN (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 01/06/2021 - 14/06/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA BERADA DI RUMAH KEDIAMAN / MORTUARY PARLOUR Melibatkan ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Mortuary.	Tempoh operasi 6 pagi hingga 6 petang. Tidak melebihi 10 orang ahli keluarga tertakluk kepada keluasan ruang rumah / <i>Mortuary Parlour</i> dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.	Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran Menyediakan kaunter di pintu masuk rumah kediaman / <i>Mortuary Parlour</i> bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i> . Urusan persiapan mayat diuruskan TIDAK MELEBIHI 5 orang sahaja (pemandian / pembersihan / pemakaian). Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa. Mewajibkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter. Kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitizer</i> . Tidak dibenarkan berkongsi peralatan. Upacara kematian diuruskan mengikut anutan agama atau kepercayaan dan adat masing-masing dan upacara perarakan beramai-ramai tidak dibenarkan. Mayat di bawa ke tanah perkuburan atau tempat pembakaran mayat / krematorium untuk pengebumian dengan diiringi ahli keluarga tidak melebihi 10 orang. Ahli keluarga terdiri daripada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.	Pematuhan SOP diwajibkan. Tuan rumah / <i>Mortuary Parlour</i> hendaklah memastikan semua ahli keluarga faham dan patuh kepada SOP yang disediakan.	Ahli keluarga / Ahli Jawatankuasa Pengurusan <i>Mortuary Parlour</i> bersalaman dan bersentuhan. Ahli keluarga / Ahli Jawatankuasa Pengurusan <i>Mortuary Parlour</i> yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas. Perkongsian peralatan. Upacara perarakan beramai-ramai.

Tarikh dikemaskini: 01 JUN 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP PENGURUSAN PENGKEBUMIHAN BUKAN ISLAM DI TAPAK PERKUBURAN / KREMATORIUM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 01/06/2021 - 14/06/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
1. PERATURAN DI TAPAK PERKUBURAN Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Tanah Perkuburan	<p>Tempoh operasi 6 pagi hingga 6 petang.</p> <p>Tempoh upacara di tapak perkuburan tidak melebihi 2 jam.</p> <p>Kehadiran ahli keluarga tidak melebihi 10 orang tidak termasuk Ahli Jawatankuasa Tanah Perkuburan dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</p>	<p>Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran</p> <p>Menyediakan tempat di tapak perkuburan bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i>.</p> <p>Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan <i>hand sanitizer</i> atau sabun dan air.</p> <p>Mewajibkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</p> <p>Upacara kematian diuruskan mengikut anutan agama atau kepercayaan dan adat masing-masing dan upacara perarakan beramai-ramai tidak dibenarkan.</p> <p>Ahli keluarga yang berada di kampung perlu melalui Ketua Kampung untuk mengenalpasti bilangan minima petugas yang diperlukan untuk ke tapak perkuburan.</p> <p>Ahli keluarga yang berada di bandar perlu mengenalpasti bilangan minima petugas yang diperlukan untuk ke tapak perkuburan sama ada melalui pemilihan oleh Ahli Jawatankuasa Pengurusan Mayat di <i>Mortuary Parlour</i> / mengikut anutan agama masing-masing.</p> <p>Cara keluar tapak perkuburan dengan segera dan dalam keadaan tertib serta mengikut SOP yang ditetapkan.</p> <p>Ahli keluarga terdiri daripada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.</p>	<p>Pemilihan petugas untuk ahli keluarga di luar bandar, di bandar dan di <i>Mortuary Parlour</i> untuk tujuan kebenaran mengurus mayat di tapak perkuburan adalah tertakluk kepada bilangan minima yang diperlukan hadir.</p> <p>Pematuhan SOP diwajibkan.</p> <p>Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan perlu bersurai segera dan dalam keadaan tertib.</p>	<p>Ahli keluarga bersalaman dan bersentuhan.</p> <p>Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas.</p> <p>Upacara perarakan beramai-ramai.</p>

Tarikh dikemaskini: 01 JUN 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP PENGURUSAN PENGKEBUMIAN BUKAN ISLAM DI TAPAK PERKUBURAN / KREMATORIUM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 01/06/2021 - 14/06/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIWAIAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
2. PERATURAN DI KREMATORIUM Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan	<p>Tempoh operasi 6 pagi hingga 6 petang.</p> <p>Tempoh upacara di krematorium tidak melebihi 2 jam setiap sesi.</p> <p>Kehadiran ahli keluarga tidak melebihi 10 orang tidak termasuk Ahli Jawatankuasa Pengurusan dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</p>	<p>Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran</p> <p>Menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i>.</p> <p>Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan <i>hand sanitizer</i> atau sabun dan air.</p> <p>Mewajibkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</p> <p>Pihak Pengurusan <i>Mortuary Parlour</i> hendaklah kerap melakukan proses pembersihan dan nyahkuman / sanitasi di kawasan sekitar.</p> <p>Upacara kematian diuruskan mengikut anutan agama atau kepercayaan dan adat masing-masing dan upacara perarakan beramai-ramai tidak dibenarkan.</p> <p>Cara keluar ahli keluarga di krematorium perlu segera dan tertib selepas selesai upacara tersebut serta mengikut SOP yang ditetapkan.</p> <p>Ahli keluarga terdiri daripada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.</p>	<p>Pematuhan SOP diwajibkan.</p> <p>Upacara perarakan beramai-ramai tidak dibenarkan.</p> <p>Ahli keluarga perlu bersurai segera dan dalam keadaan tertib.</p>	<p>Ahli keluarga bersalaman dan bersentuhan.</p> <p>Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas.</p> <p>Upacara perarakan beramai-ramai.</p>

Tarikh dikemaskini: 01 JUN 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP PENGURUSAN PENGKEBUMIAN BUKAN ISLAM DI TAPAK PERKUBURAN / KREMATORIUM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)) 01/06/2021 - 14/06/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN UPACARA MELEPASKAN ABU MAYAT Melibatkan ahli keluarga sahaja.	Tempoh operasi 6 pagi hingga 6 petang . Tempoh upacara tidak melebihi 2 jam. Kehadiran ahli keluarga tidak melebihi 5 orang dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.	Proses pelepasan abu mayat di sungai atau laut hanya melibatkan ahli keluarga tidak melebihi 5 orang dan mengikut anutan agama dan kepercayaan masing-masing. Upacara perarakan dalam ahli keluarga beramai-ramai tidak dibenarkan. Ahli keluarga segera bersurai dan tertib selepas upacara melepaskan abu mayat. Ahli keluarga terdiri daripada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.	Pematuhan SOP diwajibkan. Upacara perarakan dalam ahli keluarga beramai-ramai dilarang. Ahli keluarga perlu bersurai segera dan dalam keadaan tertib.	Ahli keluarga bersalaman dan bersentuhan. Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas. Upacara perarakan dalam ahli keluarga beramai-ramai.

Tarikh dikemaskini: 01 JUN 2021

Dikemaskini setakat 1 Jun 2021



SOP LATIHAN SUKAN “CAMP BASE QUARANTINE”

KATEGORI SUKAN	SENARAI SUKAN YANG DIBENARKAN	OPERASI		
		MASA / VENUE	TINDAKAN	PERINCIAN
A) Aktiviti Sukan dan Rekreasi	<p>i) Program Latihan Berpusat yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara.</p> <p>ii) Program Sukan Malaysia (SUKMA) dan PARA SUKMA di bawah Majlis Sukan Negeri Sabah.</p> <p>iii) Sukan Prestasi Tinggi yang dilakukan secara “Quarantine Base Approach”.</p> <p>iv) Sukan-sukan yang terlibat:- - Olahraga - Angkat Berat - Akuatik (Terjun) - Karate - Sepak Takaw (W) - Hoki (L/W)</p>	<p>i) Masa latihan: 6.00 pagi – 7.00 petang</p> <p>ii) Venue yang terlibat:-</p> <p>a) Kompleks Sukan Kota Kinabalu - Stadium Likas (Olahraga) - Padang Hoki - Pusat Latihan Karate - Gelanggang Sepak Takraw - Kolam Terjun</p> <p>b) Kompleks Sukan Tambunan - Pusat Latihan Anekat Berat</p> <p>c) Padang Istiadat Tuaran (Olahraga).</p>	1. Tanggungjawab pemilik venue latihan	<p>a) Operator kompleks / pusat sukan perlu memaparkan Imbasan QR (QR Code) MySejahtera untuk pendaftaran individu ke premis / tempat latihan / tempat pertandingan. Bagi kawasan yang tidak mempunyai capaian internet, perlu disediakan pendaftaran secara manual.</p> <p>b) Operator kompleks / pusat sukan wajib menyediakan hand sanitizer, dan pengimbas suhu (non – contact thermometer) di setiap pintu masuk premis terbuka (open space) untuk atlet / pasukan:</p> <p>c) Catatkan suhu badan (tidak melebihi 37.5°C), nama dan nombor perhubungan dicatit atau didaftar dalam aplikasi MySejahtera / Sabah Trace atau buku catatan kehadiran sebelum memasuki premis.</p> <p>d) Pastikan membuat saringan gejala (batuk, selsema, sakit tekak dan susah bernafas). Individu yang mempunyai suhu melebihi 37.5°C atau bergejala DILARANG memasuki premis / venue.</p> <p>e) Individu yang tidak berkenaan TIDAK dibenarkan berada di dalam premis / venue.</p>

			<p><u>2. Pergerakan Pasukan / Penjarakan Sosial</u></p>	<p>a) <u>Pengurusan penginapan khusus untuk atlet / jurulatih secara "quarantine based". Atlet dan jurulatih TIDAK DIBENARKAN kembali ke rumah penginapan masing-masing tanpa kebenaran Majlis Sukan Negeri Sabah.</u></p> <p>b) <u>Pergerakan pasukan adalah terhad kepada penginapan dan ke venue latihan. Atlet adalah tidak dibenarkan keluar daripada pasukan tanpa kebenaran daripada pihak Majlis Sukan Negeri Sabah.</u></p> <p>c) <u>Pastikan meninggalkan premis / tempat latihan secepat mungkin selepas aktiviti latihan.</u></p> <p>d) <u>Pihak berkuasa berhak membuat pemantauan pada bila-bila masa dan mengambil tindakan / denda (mengikut Akta / Undang-undang berkaitan) kepada pasukan jika berlaku ketidakpatuhan.</u></p> <p>e) <u>Pematuhan SOP (semakan suhu badan, pelitup muka, hand sanitizing dan penjarakan sosial) setiap kali pergerakan.</u></p>
			<p><u>3. Kebersihan Premis / Penginapan dan Peralatan</u></p>	<p>a) <u>Semua peralatan perlu dinyahkuman sebelum, selepas operasi dan setiap kali penggunaan.</u></p> <p>b) <u>Tidak boleh berkongsi gelas, tuala, exercise mat. Atlet / pasukan kena menyediakan untuk keperluan sendiri.</u></p> <p>c) <u>Pembersihan dan nyahkuman premis / penginapan dilakukan mengikut kekerapan penggunaan.</u></p> <p>d) <u>Dilarang berkongsi peralatan.</u></p>

Dikemaskini setakat 1 Jun 2021

				e) <u>Perkhidmatan catering makan / minum atlet adalah digalakkan menggunakan peralatan makanan biodegradable pakai-buang bagi penyediaan makanan di penginapan atlet.</u>
			4. <u>Penggunaan Pelitup Muka</u>	a) <u>Memastikan setiap atlet / jurulatih menyediakan pelitup muka masing-masing untuk kegunaan sebelum dan selepas latihan.</u>
			5. <u>Peraturan / Arahan Pihak Berkuasa Tempatan</u>	a) <u>Tertakluk kepada peraturan dan arahan semasa Pihak Berkuasa.</u>



SEKTOR PERBANKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN		
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS			
Bank	Waktu Operasi : 8.30 pagi hingga 5.30 petang	Kawalan Bilangan Pelawat Di Premis Perniagaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hadkan bilangan pelanggan yang dibenarkan ke dalam premis pada bila-bila masa untuk memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dipatuhi secara efektif. 2. Sediakan ruang giliran di luar premis jika selamat. Guna sistem beratur digital jika boleh. 3. Pelanggan dan orang ramai perlu merancang keperluan tunai secukupnya untuk keperluan sepanjang PKP supaya kunjungan ke cawangan dan ATMs dapat dikurangkan. Pelanggan dan orang ramai disarankan menggunakan perkhidmatan perbankan dan insuran / Takaful dalam talian bagi mengurangkan lawatan ke cawangan dan terminal Perkhidmatan Layan Diri (SSTs). 4. Letakkan sanitizer di tempat yang mudah diakses pelanggan. 5. Jauhkan bahan yang tidak mudah dibersihkan seperti akhbar, majalah, risalah dari ruang menunggu. 6. Kakitangan dan pelanggan diwajibkan memakai <i>face mask</i>. Pelanggan perlu mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter pada setiap masa. Jika boleh, sediakan tanda jarak 1 meter di atas lantai dan tempat duduk. 7. Galakkan pelanggan membuat temu janji sebelum mengunjungi premis untuk mengurangkan bilangan pelanggan yang beratur. 8. Galakkan pelanggan menggunakan sistem dalam talian dan terminal Perkhidmatan Layan Diri (SSTs) untuk mengurus niaga. 9. Jika boleh, pelanggan perlu mengurangkan menyentuh alatan di premis seperti skrin sistem beratur digital dan alat tulis. 			
Terminal Layan Diri (Self-service Terminal)	Waktu Operasi : 7.00 pagi hingga 7.00 malam					
	Kapasiti Pekerja : 60%					



SEKTOR PERBANKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Bank Terminal Layan Diri (Self-service Terminal)	<p>Waktu Operasi : 8.30 pagi hingga 5.30 petang</p> <p>Waktu Kehadiran Pelanggan : 9.30 pagi hingga 3.00 petang</p> <p>Waktu Operasi : 7.00 pagi hingga 7.00 malam</p> <p>Kapasiti Pekerja : 60%</p>	Kawalana Laluan Masuk dan Keluar Di Premis Perniagaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyedia perkhidmatan kewangan harus memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dipatuhi secara efektif semasa pelanggan keluar dan masuk premis perniagaan. 2. Pelanggan perlu menjalankan imbasan suhu badan di pintu masuk. 3. Pelanggan yang mempunyai suhu melebihi 37.5 Celcius atau menunjukkan simptom seperti sakit tekak, batuk, selesema, sesak nafas tidak dibenarkan memasuki premis. Pelanggan digalakkan untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan di klinik kesihatan yang berdekatan. Penyedia perkhidmatan kewangan digalakkan untuk membantu pelanggan ini menyempurnakan transaksi kewangan melalui saluran alternatif. 4. Sediakan sanitizer berhampiran pintu masuk dan keluar untuk kegunaan pelanggan. 5. Penyedia perkhidmatan kewangan diwajibkan menyediakan kemudahan QR code MySejahtera dan menyediakan buku kpendaftaran kehadiran pelanggan. Pelanggan wajibkan check-in MySejahtera atau menulis secara manual di kawasan yang tidak mempunyai capaian internet atau pelanggan tidak mempunyai telefon pintar. 6. Sediakan ruang giliran di luar premis jika selamat. Guna sistem beratur digital jika boleh. 7. Jika boleh, tugaskan seorang kakitangan untuk mengawal pintu atau gunakan pintu automatik untuk mengawal kesesakan pelanggan. 8. Jika boleh, sediakan pintu masuk dan keluar yang berasingan dan tandakan dengan jelas untuk mengawal kesesakan pelanggan. 	



SEKTOR PERBANKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Bank	Waktu Operasi : 8.30 pagi hingga 5.30 petang	Urusan Di Kaunter – Kekalkan Kebersihan dan Penjarakan Fizikal	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kakitangan yang berurusan secara bersemuka dengan pelanggan perlu memakai <i>face mask</i> dan memastikan jarak sekurang-kurangnya 1 meter antara juruwang dan pelanggan. 2. Pamerkan notis untuk mewajibkan pelanggan untuk memakai <i>face mask</i> pada setiap masa. 3. Pelanggan perlu nyah kuman tangan dengan menggunakan sanitizer sebelum berurusan di kaunter. 4. Penyedia perkhidmatan kewangan perlu sediakan sanitizer di kaunter untuk kegunaan pelanggan. 5. Juruwang perlu mengelak daripada menyentuh tangan / ibu jari pelanggan ketika mendapatkan cap ibu jari. 6. Elakkan berkongsi alat tulis dengan pelanggan. 7. Nyah kuman (disinfect) permukaan kaunter secara kerap, mengikut kadar trafik pelanggan yang menggunakan kaunter berkenaan. 8. Nyah kuman (disinfect) pintu sekurang-kurangnya tiga kali sehari. 9. Jika mengendalikan wang tunai atau dokumen-dokumen dari luar, nyah kuman tangan dengan sanitizer sebelum menjalankan urusan. Jika boleh, sediakan kaunter khas untuk urusan melibatkan wang tunai. 10. Pelanggan juga digalakkan menggunakan sistem dalam talian dan terminal Perkhidmatan Layan Diri atau SST untuk menghadkan urusan secara bersemuka. 	
Terminal Layan Diri (Self-service Terminal)	Waktu Kehadiran Pelanggan : 9.30 pagi hingga 3.00 petang			
	Kapasiti Pekerja : 60%			



SEKTOR PERBANKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Bank	<p>Waktu Operasi : 8.30 pagi hingga 5.30 petang</p> <p>Waktu Kehadiran Pelanggan : 9.30 pagi hingga 3.00 petang</p>	<p>Urusan Di Kaunter – Kekalkan Kebersihan dan Penjarakan Fizikal</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyedia perkhidmatan kewangan digalakkan untuk mengenal pasti pelanggan-pelanggan yang memerlukan bantuan khusus seperti wanita hamil dan orang kelainan upaya (OKU) serta golongan yang berisiko tinggi terhadap Covid-19 seperti warga emas. Untuk pelanggan-pelanggan ini, penyedia perkhidmatan kewangan digalakkan untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan bantuan yang diperlukan untuk mereka menyempurnakan transaksi. Sebaikbaiknya, penyedia perkhidmatan kewangan menyediakan masa dan kaunter yang khusus serta tempat menunggu yang berasingan untuk golongan ini. 2. Kakitangan yang memberi bantuan fizikal dan pelanggan harus menyah kuman sebelum menjalankan urusan di premis perniagaan. 	
Terminal Layan Diri (Self-service Terminal)	<p>Waktu Operasi : 7.00 pagi hingga 7.00 malam</p> <p>Kapasiti Pekerja : 60%</p>			



SEKTOR PERBANKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Bank	<p>Waktu Operasi : 8.30 pagi hingga 5.30 petang</p> <p>Waktu Kehadiran Pelanggan : 9.30 pagi hingga 3.00 petang</p>	<p>Simpan Rekod Untuk Membantu Pengesanan Kontak</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Simpan rekod pertemuan dengan pelanggan dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga untuk tujuan pengesanan kontak. 2. Untuk setiap pertemuan, perlu merekodkan nama, nombor telefon, tarikh, masa dan tempat pertemuan. 3. Maklumat yang direkodkan perlu disimpan sekurang-kurangnya selama tiga bulan. 	
Terminal Layan Diri (Self-service Terminal)	<p>Waktu Operasi : 7.00 pagi hingga 7.00 malam</p> <p>Kapasiti Pekerja : 60%</p>			



SEKTOR PERBANKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Bank	Waktu Operasi : 8.30 pagi hingga 5.30 petang	Terminal Layan Diri (Self- service Terminals) - kawal lalu masuk dan keluar	<p><u>Terminal layan diri terletak di premis penyedia perkhidmatan kewangan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelanggan yang mempunyai suhu melebihi 37.5 Celcius atau menunjukkan simptom seperti sakit tekak, batuk, selesema, sesak nafas tidak dibenarkan memasuki premis. Pelanggan digalakkan untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan di klinik kesihatan yang berdekatan. Penyedia perkhidmatan kewangan digalakkan untuk membantu pelanggan ini menyempurnakan transaksi kewangan melalui saluran alternatif. 2. Penyedia perkhidmatan kewangan perlu pameran notis untuk mengingatkan pelanggan supaya mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter pada setiap masa, menjalankan transaksi di terminal layan diri secara berseorangan pada satu-satu masa, memakai face mask dan bersuhu badan tidak melebihi 37.5 Celcius. 3. Sediakan sanitizer berhampiran pintu masuk dan keluar untuk kegunaan pelanggan. 4. Penyedia perkhidmatan kewangan diwajibkan menyediakan kemudahan QR code MySejahtera dan menyediakan buku pendaftaran kehadiran pelanggan. Pelanggan diwajibkan check-in MySejahtera atau menulis secara manual di kawasan yang tidak mempunyai capaian internet atau pelanggan tidak mempunyai telefon pintar. 5. Jika boleh, tugaskan seorang kakitangan untuk mengawal pintu atau gunakan pintu automatik untuk mengawal kesesakan pelanggan. 6. Jika boleh, sediakan pintu masuk dan keluar yang berasingan dan tandakan dengan jelas untuk mengawal kesesakan pelanggan. 	
Terminal Layan Diri (Self-service Terminal)	Waktu Operasi : 7.00 pagi hingga 7.00 malam			
	Kapasiti Pekerja : 60%			



SEKTOR PERBANKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Bank	Waktu Operasi : 8.30 pagi hingga 5.30 petang Waktu Kehadiran Pelanggan : 9.30 pagi hingga 3.00 petang	Terminal Layan Diri (Self-service Terminals) – kawal bilangan pelanggan	<p><u>Terminal layan diri terletak di premis penyedia perkhidmatan kewangan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Hadkan bilangan pelanggan yang dibenarkan ke dalam premis pada bila-bila masa untuk memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dipatuhi secara efektif. 2. Sediakan ruang giliran di luar premis jika selamat. Guna sistem beratur digital jika boleh. 3. Pelanggan perlu mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter pada setiap masa. 4. Jika boleh, sediakan tanda jarak 1 meter di atas lantai dan tempat duduk. 5. Jika boleh, galakkan pelanggan menggunakan sistem dalam talian. 	
Terminal Layan Diri (Self-service Terminal)	Waktu Operasi : 7.00 pagi hingga 7.00 malam Kapasiti Pekerja : 60%		<p><u>Terminal layan diri di premis lain</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pamerkan notis untuk mengingatkan pelanggan untuk menjaga penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter, menjalankan transaksi di terminal layan diri secara berseorangan pada satu-satu masa dan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan pemilik premis berkenaan. 2. Pelanggan diwajibkan memakai face mask untuk mengurangkan risiko jangkitan Covid-19. 3. Jika boleh, letakkan tanda jarak 1 meter di atas lantai 	



SEKTOR PERBANKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Bank	Waktu Operasi : 8.30 pagi hingga 5.30 petang Waktu Kehadiran Pelanggan : 9.30 pagi hingga 3.00 petang	Terminal Layan Diri (Self- service Terminals) – kawal kebersihan	<p><u>Terminal layan diri terletak di premis penyedia perkhidmatan kewangan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelanggan harus menyah kuman tangan dengan sanitizer sebelum menggunakan terminal layan diri. 2. Penyedia perkhidmatan kewangan perlu pameran notis untuk mengingatkan pelanggan untuk menyah kuman tangan sebelum menggunakan terminal perkhidmatan layan diri dan tidak menyembur sanitizer ke atas skrin dan papan kekunci terminal layan diri. 3. Pelanggan perlu memakai face mask setiap masa. 4. Sediakan sanitizer di tempat yang mudah diakses oleh pelanggan. Pastikan sanitizer ini sentiasa diisi semula secara kerap. 5. Bersihkan dan nyah kuman terminal perkhidmatan layan diri secara berkala. 	
Terminal Layan Diri (Self- service Terminal)	Waktu Operasi : 7.00 pagi hingga 7.00 malam Kapasiti Pekerja : 60%		<p><u>Terminal layan diri di premis lain</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelanggan harus menyah kuman tangan dengan sanitizer sebelum menggunakan terminal layan diri. 2. Penyedia perkhidmatan kewangan perlu pameran notis untuk mengingatkan pelanggan untuk menyah kuman tangan sebelum menggunakan terminal layan diri dan tidak menyembur sanitizer ke atas skrin dan papan kekunci terminal perkhidmatan layan diri. Galakkan pelanggan memakai face mask untuk mengurangkan risiko jangkitan COVID-19. 3. Pastikan terdapat sanitizer di tempat yang mudah diakses oleh pelanggan. Jika tidak, penyedia perkhidmatan kewangan perlu menyediakan sanitizer di terminal layan diri. Pastikan sanitizer ini sentiasa diisi semula secara kerap. 4. Bersihkan dan nyah kuman (disinfect) terminal layan diri secara berkala. 	



SEKTOR PERBANKAN

AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
